

IQRA'

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmLibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

m/s 6

LIVE

AMANAT 2021

Ketua Pustakawan

YBrs. Ts. Noor Hidayat Bin Adnan

**"Perpustakaan Digital
Pemangkin Kesarjanaan"**

Januari 2021

10.00 Pgj

Dalam

Talian



LIVE



0+0

Perpustakaan UiTM



m/s 8



m/s 10

FREE BREAKFAST FOR STUDENTS @PTAR KABS

THURSDAY,
14 JANUARY 2021 [7.30am - selesai]Kompleks Alam
Sarawak (PKAS)

m/s 7

LIVE

CyberSecurity
MALAYSIA

m/s 16



Kunjungan Hormat ke Pejabat Timbalan Naib
Canselor (TNC) Akademik dan Antarabangsa UITM

Amanat Ketua Pustakawan 2021

Live@PTAR Bicara Tokoh "Cyber Security Malaysia Cyber-SAFE Awareness Talk: "Excuse Me, Your Privacy is Showing"

Majlis Penganugerahan Diploma dan Ijazah
UITM Cawangan Kedah


Projek SDG2 ZEROHUNGER@PTARKABS BIL. 1

PUAN ROSLAH BINTI LAMAN



Peranan Pustakawan sebagai Liason Officer mengikut fakulti juga merupakan sebahagian daripada kaedah penyampaian maklumat menerusi medium dan platform yang bersesuaian agar maklumat perkhidmatan perpustakaan dapat disampaikan dengan lebih pantas melalui Liason Officer fakulti yang dilantik. Pustakawan juga perlu lebih kreatif dalam penyampaian maklumat perkhidmatan perpustakaan melalui rekabentuk poster-poster yang menarik agar maklumat yang disampaikan menerusi poster-poster tersebut berupaya menarik perhatian golongan sasaran dan seterusnya menggunakan perkhidmatan yang disediakan dalam proses pembelajaran mereka. Latihan-latihan bersesuaian yang disertai oleh Pustakawan berupaya meningkatkan kemahiran mereka dalam menyebarkan maklumat perkhidmatan perpustakaan kepada golongan sasaran. Penyediaan modul-modul yang bersesuaian bagi Kelas Kemahiran Maklumat amat penting dan merupakan peranan Pustakawan dalam memastikan maklumat yang disediakan dapat disampaikan dan difahami serta digunakan oleh golongan pelajar secara bersasar.

Perkhidmatan perpustakaan juga dapat disampaikan menerusi aktiviti-aktiviti yang membuka ruang penyertaan daripada warga universiti seperti kaedah sistem point dimana warga universiti yang mengakses perkhidmatan perpustakaan yang paling tinggi akan dipilih sebagai pemenang dan diberikan penghargaan. Peranan Pustakawan dalam mencipta dan mewujudkan aktiviti-aktiviti yang sesuai dan berimpak berupaya memberi ruang penyertaan yang luas kepada warga universiti disamping memberi pendedahan terhadap perkhidmatan yang disediakan. Sebagai kesimpulan, konsep pendigitalan memperlihatkan tugas baharu kepada Pustakawan dalam menyampaikan perkhidmatan perpustakaan dan ianya merupakan normal baharu yang secara tidak langsung meningkatkan kecekapan penyampaian maklumat kepada warga kampus terutamanya para pelajar. Perubahan minda Pustakawan ke arah fenomena norma baharu berupaya memacu peranan Pustakawan dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran warga universiti secara ODL.



KENALI PUSTAKAWAN ANDA